

HUKUM WANITA DAN ORANG YANG BUKAN ISLAM SEBAGAI AMIL ZAKAT GAJI DAN PENDAPATAN DI LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI

Keputusan :

1. Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor telah bersetuju memutuskan bahawa :
 - i. **“Lembaga Hasil Dalam Negeri hendaklah melantik pegawai-pegawai beragama Islam sebagai amil bagi menguruskan zakat gaji dan pendapatan. Sementara urusan yang tidak berkaitan dengan zakat secara langsung seperti kerani, pemandu dan sebagainya boleh dilantik dikalangan orang bukan Islam.”**
 - ii. **Boleh melantik wanita Islam sebagai amil di Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)**

2. Keputusan ini adalah berdasarkan kepada hujah-hujah seperti berikut :
 1. Definisi Amil

Mengikut **Dr. Yusuf al-Qardhawi** dalam kitab **“Fiqh az zakah”** jilid 2, halaman 579, Amil ialah mereka yang dilantik untuk melaksanakan segala fungsi urusan zakat yang meliputi memungut, menyimpan, mengagih dan mentadbirkan wang zakat. Ia terdiri daripada pemungut, kerani, jurukira, pengagih, pentadbir, penjaga stor dan lain-lain jawatan berkaitan.

 2. Syarat-syarat Amil

Mengikut pendapat **Dr. Yusuf al-Qardhawi** dalam kitab **“Fiqh az zakah”** halaman 586-589, syarat-syarat amil zakat ialah Islam, Mukallaf, jujur, memahami hukum zakat, mampu melaksanakan tugas, adil, merdeka bukan keturunan Nabi s.a.w dan lelaki.

Menurut kitab **“T’anah at-talibin, karangan Syed al-Bakri Mohamad Syatha al Dimiyati**, jilid 2, halaman 190, syarat-syarat amil zakat ialah Islam, memahami hukum feqah, mukallaf, merdeka, adil, mendengar, melihat, lelaki dan amanah.

 3. Berdasarkan syarat-syarat tersebut timbul persoalan samada amil zakat boleh dilantik dikalangan orang bukan Islam, wanita dan orang yang tidak memahami hukum zakat . Dalam hal ini ulama' telah membahaskan perkara tersebut.

Orang Bukan Islam Sebagai Amil.

Mengikut **Dr. Yusuf al-Qardhawi**, menyatakan bahawa disyaratkan amil itu seorang Islam berdasarkan bahawa zakat adalah urusan orang Islam. Oleh itu orang yang menguruskan hendaklah seorang Islam. Bagi urusan yang tidak berkaitan dengan pungutan dan agihan zakat seperti penjaga stor dan pemandu dikecualikan dari syarat tersebut.

Walau bagaimanapun yang lebih utama segala kewajipan Islam hanya boleh diuruskan oleh orang Islam. Mengikut **Kitab al-Mughni karangan Ibnu Qudamah**, jilid 6, hal 424-425 dan **kitab al-figh al-mazahib al Arbaah, karangan Abdul Rahman al-Jazair halaman 623**, menyatakan "...setiap pekerjaan yang memerlukan syarat amanah (kejujuran) hendaklah disyaratkan Islam. Oleh itu urusan orang Islam tidak boleh diserahkan kepada orang kafir seperti juga urusan-urusan lain, orang yang bukan ahli zakat tidak boleh diserahkan urusan zakat kerana orang kafir itu tidak boleh dipercayai".

Umar berkata "janganlah kamu serahkan amanah itu kepada mereka (orang kafir), kerana mereka telah berbuat khianat kepada Allah". Umar telah menolak seorang Nasrani yang ditugaskan oleh Abu Musa sebagai penulis zakat kerana zakat itu adalah rukun Islam yang utama.

Menurut Mazhab Maliki, amil tidak boleh dilantik dari kalangan orang kafir, fasik dan orang jahil.

Wanita Sebagai Amil.

Mengikut **Dr. Yusuf al-Qardhawi**, sebahagian ulama' mensyaratkan amil zakat haruslah lelaki. Mereka tidak membolehkan wanita ditugaskan sebagai amil zakat kerana tugas tersebut berkaitan urusan sedekah. Pendapat tersebut tidak mengemukakan alasan kecuali hadis Nabi s.a.w yang diriwayatkan oleh Bukhari iaitu hadis dari Hasan Basri dari Abu Bakrah :





Maksudnya :

“Tidak akan berjaya suatu kaum bila urusan mereka diserahkan kepada perempuan”.

Dr.Yusuf al-Qardhawi berpendapat bahawa hadis tersebut adalah berkaitan dengan pengurusan soal-soal umum yang diuruskan oleh wanita sebagai pemimpin yang mempunyai kuasa untuk membuat keputusan sedangkan sekadar pegawai yang melaksanakan urusan zakat tidak termasuk dalam maksud hadis tersebut .

Diantara para ulama' ada yang berpendapat wanita tidak boleh menjadi amil dengan alasan tidak ada satu riwayat pun menyebut amil zakat dilantik dari kaum wanita. Tiada peralihan tidak menunjukkan maksud tidak boleh. Menurut **Dr.Yusuf al-Qardhawi** wanita tidak dilantik sebagai amil pada masa itu kerana ketika itu wanita belum memiliki keahlian dalam bidang tersebut disebabkan keadaan sosio-ekonomi pada masa itu.Suatu pekerjaan yang tidak dilakukan tidak menunjukkan pekerjaan itu haram.

Sebahagian ulama' berpendapat, menurut zahir ayat tersebut iaitu  tidak termasuk wanita kerana perkataan  bentuk jama' untuk lelaki.Jika alasan itu dianggap benar, maka wanita tidak boleh dimasukkan dalam golongan fakir miskin, orang-orang berhutang dan orang-orang yang di dalam perjalanan kerana perkataan yang digunakan semuanya lelaki. Ini adalah bertentangan dengan ijma' sebab wanita itu adalah mengikut lelaki meskipun khitab atau perkataan yang digunakan lelaki.

Mengenai masalah syarat amil zakat, tidak ada dalil khusus yang melarang wanita bekerja sebagai amil zakat. Walau bagaimanapun ada kaedah umum yang mengharuskan wanita malu dan menjauhkan dari berkerumun dan bergaul dengan lelaki tanpa ada kepentingan. Oleh itu, pekerjaan sebagai amil zakat lebih baik dilakukan oleh lelaki kecuali dalam hal-hal tertentu seperti wanita ditugaskan memberikan bantuan wang zakat kepada janda, wanita yang lemah iaitu pekerjaan yang sesuai dilakukan oleh wanita daripada lelaki.

Memahami Hukum Zakat

Menurut **Kitab al-Majmu'**, karangan **Imam Nawawi**, jilid 6, halaman 167, para ulama' mensyaratkan petugas zakat itu memahami hukum zakat kerana jika seseorang yang dilantik menguruskan urusan zakat tidak memahami hukum zakat, ia tidak mampu melaksanakan tugasnya dan akan lebih banyak melakukan kesilapan.

Mengikut kitab **Fiqh az-Zakah** karangan **Dr.Yusuf al-Qardhawi**, jilid 2, halaman 586, petugas zakat juga perlu tahu mengenai harta yang wajib di zakat dan harta yang tidak wajib dizakat. Urusan zakat memerlukan ijtihad terhadap masalah yang timbul untuk diketahui hukumnya. Bagi petugas yang terlibat dengan urusan pelaksanaan, tidak disyaratkan memiliki pengetahuan tentang zakat kecuali berkaitan dengan tugasnya.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Sebagai Amil

Fungsi LHDN sebagai amil ialah untuk memungut zakat gaji dan pendapatan bagi pekerja-pekerja sektor awam. Kakitangan LHDN terdiri dari orang Islam, bukan Islam, lelaki dan wanita. Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, pada 22 jun 1997 telah membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan syarat-syarat amil seperti berikut :-

Islam

Pengerusi Eksekutif LHDN adalah orang Islam. Di dalam urusan mengendali pungutan zakat, beliau akan dibantu oleh pegawai-pegawai pungutan zakat yang akan dilantik daripada pegawai-pegawai Islam. Diperingkat bawahan sahaja mungkin terdapat pegawai dan kakitangan bukan Islam yang terlibat dalam kerja-kerja mengira, memungut dan merekod kutipan.

Mukallaf

Syarat petugas zakat terdiri daripada orang dewasa yang sihat fikiran tidak menjadi masalah kepada LHDN yang mempunyai pegawai dan kakitangan yang cukup umur, berpelajaran, berkelulusan dan terlatih.


Memahami Hukum Zakat

Sebelum pelaksanaan pungutan zakat, LHDN akan memberi kursus pengurusan zakat dalam dua peringkat kepada pegawai dan kakitangannya. Kursus-kursus ini meliputi kaedah dan peraturan-peraturan zakat dan seterusnya meliputi kefahaman terhadap hukum-hukum zakat dan pengurusannya.

Kemampuan Mengurus Kutipan Dan Melaksanakan Tugas

Pegawai dan kakitangan LHDN terdiri daripada pegawai teknikal yang berkelulusan dan berpengalaman dalam ilmu perakaunan dan undang-undang percukaian, oleh itu kerja-kerja mengira dan memungut zakat serta hukum-hukum dan pengurusan zakat yang meliputi soal

pelaksanaan yang baik dan teratur rapi, memiliki sifat-sifat yang murni seperti jujur, amanah, cermat, bertanggungjawab. Sabda Rasulullah s.a.w.:



الْعَامِلُ بِالْحَقِّ عَلَى الصَّدَقَةِ كَالغَازِي فِي سَبِيلِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ حَتَّى يَرْجِعَ إِلَى بَيْتِهِ
(رواه احمد و ابى داود و الترمذى و ابن ماجه و الحاكم)

Maksudnya :

“Seseorang petugas yang melaksanakan urusan zakat dengan jujur adalah seumpamanya orang yang berjuang di jalan Allah hingga ia kembali kerumahnya.”

(Riwayat Ahmad , Abu Daud , Tarmizi , Ibnu Majah dan Hakim)